

# AWC terokai sektor tenaga diperbaharui semula

KUALA LUMPUR 8 Nov. – AWC Bhd. merancang menerokai sektor tenaga diperbaharui semula dengan Solamas Sdn Bhd. menerusi syarikat usahasama AWC Solamas Sdn. Bhd. bagi merangka perancangan serta pembangunan sumber tenaga itu di negara ini.

Ketua Eksekutif dan Pengarah Urusan AWC, Azmir Merican Azmi Merican berkata, usaha tersebut dilakukan kerana yakin potensi tenaga solar photovoltaic (PV) sebagai penjana tenaga elektrik dalam negara pada masa akan datang.

“Syarikat ini berperanan memajukan teknologi tenaga solar dengan kepakaran yang ada pada kedua-dua pihak.

“Kerjasama ini akan menggunakan peluang melalui pengenalan mekanisme ‘Feed in Tariff’ (FiT) di bawah Akta Tenaga Boleh Diperbaharui (RE) oleh kerajaan dijangka dilancarkan pada suku kedua tahun depan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis menandatangani kerjasama AWC bersama Solamas dan Germguard Technologies (M) Sdn. Bhd. (Germguard) di sini hari ini.

Turut Hadir ialah Pengarah Urusan Solamas, Lionel Yap dan Pengarah Eksekutif Germguard, Kailash Sheth.

Menerusi kerjasama itu, AWC akan menguasai 51 peratus kepentingan dalam AWC Solamas manakala baki



**AZMIR Merican Azmi Merican (tengah) bersama Lionel Yap (kiri) dan Kailash Sheth melihat dokumen yang ditandatangani oleh mereka bertiga dalam satu majlis di Kuala Lumpur, semalam.**

49 peratus dikuasai oleh Solamas. Pada pembentangan Bajet 2011 bulan lalu, Perdana Menteri, Datuk Seri

Najib Tun Razak mengumumkan pelaksanaan Fit bagi membenarkan pejamu bebas dan individu menjual

tenaga elektrik daripada tenaga boleh diperbaharui kepada syarikat utiliti bekalan elektrik.

Tambah Azmir Merican, dalam syarikat baru itu, AWC akan menyumbang dari segi kewangan, rangkaian pasaran dan pengurusan profesional manakala Solamas pula melalui kepakaran dalam penyediaan dan pembangunan teknologi tenaga solar sejak enam tahun lalu.

“Kami memfokus pasaran kepada industri pembinaan seperti pemaju hartanah, perumahan dan juga sektor kerajaan,” ujarnya.

Jelasnya, ketika ini sudah ada usahasama yang dijalankan oleh kedua-dua pihak bersama syarikat telekomunikasi, Digi Telecommunications di Batu Tiga; Shah Alam, dekat sini.

PV adalah sistem yang menukarkan radiasi haba daripada cahaya matahari melalui panel semikonduktor yang mempunyai unsur-unsur serapan haba untuk menghasilkan janaan tenaga elektrik.

Mengulas kerjasama AWC dengan Germguard, Azmir Merican berkata, ia bakal meningkatkan nilai tambah perkhidmatan serta peluasan pasaran kedua-dua pihak dari segi penyediaan persekitaran dalaman di tempat kerja yang bersih.

Germguard adalah syarikat yang menyediakan kepakaran bagi membekalkan kualiti udara yang bersih di tempat kerja sama ada di pejabat, kawasan industri dan kawasan komersial.